



OSC PANDUAN P4 2024/V1

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC) MAJLIS DAERAH KAMPAR

KOMPLEKS PENTADBIRAN MDKpr, JALAN ISKANDAR
31900 KAMPAR, PERAK DARUL RIDZUAN
TEL : 05-4671020, 05-4671030, FAX : 05-4671040
WEBSITE : www.mdkampar.gov.my



GARIS PANDUAN PERMOHONAN UNTUK PEMBANGUNAN (OSC)

PERINGKAT 4

(PEMANTAUAN TAPAK BINA DAN PEMERIKSAAN INTERIM)

Crusher
Run

Coring Test

Lawatan
Pra-CCC

Pemeriksaan
Berkala

BUTIRAN PEMOHON

No. Rujukan Fail	MDKpr(OSC)() / 20		
Tajuk Permohonan			
Nama Pemilik Syarikat atau individu		Nama Perunding Bertauliah dan Syarikat (SP)	
Nama Wakil Rundingan		Nama Wakil Rundingan	
Alamat surat menyurat Syarikat atau Individu		Alamat surat menyurat Perunding	
No. Telefon (Pejabat)		No. Telefon (Pejabat)	
No. Telefon (Whatsap)		No. Telefon (Whatsap)	
No. Fax		No. Fax	
Email		Email	

Bil.	Dokumen Yang Diperlukan	Keperluan
1.	Surat permohonan rasmi oleh Perunding Bertauliah.	√
2.	Salinan surat (P4_1) dan borang notifikasi pemeriksaan Interim (P4_2) kepada TNB (PSP hendaklah memastikan dokumen ini telah disah terima oleh TNB)	
3.	Salinan surat (P4_1) dan borang notifikasi pemeriksaan Interim (P4_2) kepada LAP (PSP hendaklah memastikan dokumen ini telah disah terima oleh LAP)	√
4.	Salinan surat (P4_1) dan borang notifikasi pemeriksaan Interim (P4_2) kepada IWK (PSP hendaklah memastikan dokumen ini telah disah terima oleh IWK)	√
5.	Salinan surat (P4_1) dan borang notifikasi pemeriksaan Interim (P4_2) kepada JBPM (PSP hendaklah memastikan dokumen ini telah disah terima oleh JBPM)	√
6.	Salinan surat (P4_1) dan borang notifikasi pemeriksaan Interim (P4_2) kepada JKKP (PSP hendaklah memastikan dokumen ini telah disah terima oleh JKKP)	√*
7.	Salinan surat (P4_1) dan borang notifikasi pemeriksaan Interim (P4_2) kepada JKR (PSP hendaklah memastikan dokumen ini telah disah terima oleh JKR) – sekiranya melibatkan jalan JKR.	√*
8.	Salinan surat (P4_1) dan borang notifikasi pemeriksaan Interim (P4_2) kepada Jabatan Kejuruteraan & Bangunan MDKpr. (PSP hendaklah memastikan dokumen ini telah disah terima oleh Jabatan Kejuruteraan & Bangunan MDKpr.)	√ Subseksyen 70A(4) dan 70A(5), Akta 133. Subseksyen 70 (23), Akta 133.
	1. Pemeriksaan batu baur / crusher run (California Bearing Ratio & thickness)	√*
	2. Pemeriksaan <i>coring test</i>	√*
	3. Pemeriksaan Pra-CCC	√*
9.	Salinan surat (P4_1) dan borang notifikasi pemeriksaan Interim (P4_2) kepada Jabatan Perancangan & Pembangunan dan Bahagian Landskap & Rekreasi, MDKpr. (PSP hendaklah memastikan dokumen ini telah disah terima oleh Jabatan Perancangan & Pembangunan dan Bahagian Landskap & Rekreasi, MDKpr)	√ Subseksyen 29 (2), Akta 172.
10.	Salinan surat (P4_1) dan borang notifikasi pemeriksaan Interim (P4_2) kepada Jabatan Kesihatan Awam, MDKpr (PSP hendaklah memastikan dokumen ini telah disah terima oleh Jabatan Jabatan Kesihatan Awam, MDKpr)	√
11.	Salinan surat (P4_1) dan borang notifikasi pemeriksaan Interim (P4_2) kepada Jabatan Penilaian, MDKpr (PSP hendaklah memastikan dokumen ini telah disah terima oleh Jabatan Jabatan Penilaian, MDKpr)	√
12.	Menjelaskan Fi Proses Peringkat 4 berjumlah RM250.00 (Punca Kuasa : Mesyuarat Penuh Bil.XX/2024)	√

(*) = Sekiranya Berkaitan/ Perlu

Nota:

1. Semua dokumen hendaklah disediakan dalam format digital (pdf, jpeg dan lain-lain) bagi permohonan secara OSC 3.0 Plus Online.

2. Semua laporan dan pelan perlu disedia dan diperakui oleh Orang Yang Mengemukakan (Submitting Person) /Orang Yang Cekap (Competent Person)

CADANGAN TARIKH LAWATAN TAPAK OLEH PSP	CATATAN JABATAN KEJURUTERAAN / TARIKH CADANGAN JABATAN

TANDATANGAN PERUNDING	MAKLUMAT PERUNDING	
<p>Saya memperakui bahawa semua dokumen yang dikemukakan ini telah disemak dan saya bersetuju menerima tanggungjawab penuh dan sewajarnya terhadap permohonan ini</p>	NAMA	
	ALAMAT	

DITERIMA OLEH	UNTUK KEGUNAAN PEJABAT	
<p>Nama Pegawai : Tarikh :</p>	DITERIMA	
	<p>PERMOHONAN TIDAK LENGKAP (Sila rujuk catatan dibawah)</p>	

PERINGKAT 4

PEMANTAUAN TAPAK BINA DAN PEMERIKSAAN INTERIM

1. Objektif utama Proses 4 (PEMANTAUAN TAPAK BINA DAN NOTIFIKASI INTERIM) adalah untuk memandu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi/ Jabatan Teknikal menjalankan pemeriksaan tapak bina bagi memastikan pembinaan dilaksana mematuhi dan menepati kelulusan pelan pemajuan sebelum bangunan tersedia untuk pengeluaran CCC;
2. Pemantauan tapak bina boleh dijalankan oleh PBT dan Agensi/ Jabatan Teknikal bermula dari notifikasi mula kerja binaan diterima oleh PBT dan sepanjang tempoh pembinaan berlangsung sehingga CCC belum dikeluarkan oleh PSP/ SP;
3. Pemantauan tapak bina dijalankan tanpa kehadiran PSP/ SP;
4. PBT hendaklah menjalankan tanggungjawab kerja (Duty of Care¹⁰) pemantauan tapak bina berdasarkan peruntukan Seksyen 70(22) Akta 133;
5. PBT hendaklah melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang wajar sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada pelan yang diluluskan sebagaimana berikut;
 - i. Subseksyen 70(23)(a) Akta 133 – Pengemukakan NOTIS BERTULIS kepada PSP bagi membetulkan ketidakpatuhan kepada PSP;
 - ii. Subseksyen 70(23)(b) Akta 133 – Pengemukakan ARAHAN BERTULIS kepada PSP bagi Menahan Pengeluaran CCC sehingga ketidakpatuhan dibetulkan.
6. Sebarang ketetapan bagi menguatkuasakan Subseksyen 70(23) hendaklah dibentang dan diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC;
7. Pemeriksaan interim dilaksanakan apabila kerja pembinaan telah siap secara fizikal bagi skop kerja Agensi/ Jabatan Teknikal yang memberi pelepasan/ kelayakan/ pengesahan sebelum Borang G diperakui oleh pemohon/ PSP/ SP seperti berikut;
 - i. Skop kerja Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN)/Lembaga Air Perak
 - ii. Skop kerja Tenaga Nasional Berhad (TNB);
 - iii. Skop kerja Jabatan Kejuruteraan PBT.
 - iv. Skop kerja Jabatan Kerja Raya (sekiranya melibatkan jalan JKR);
 - v. Skop kerja Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM);
 - vi. Skop kerja Indah Water Konsortium (IWK)
 - vii. Skop kerja Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP);
8. PSP/ SP hendaklah mengemukakan Notifikasi Pemeriksaan Interim secara terus kepada Agensi/ Jabatan Teknikal yang berkaitan dan mengemukakan satu salinan kepada Unit OSC;
9. Pemeriksaan Interim dijalankan oleh Agensi/ Jabatan Teknikal tanpa kehadiran pemohon/ PSP/ SP;
10. Sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan Agensi/ Jabatan Teknikal hendaklah memaklumkan kepada pemohon/ PSP/ SP bagi pembedahan dan satu salinan kepada unit OSC;
11. PBT boleh melaksanakan perkara 5 dan 6 sekiranya tindakan pembedahan gagal dilaksanakan oleh pemohon/ PSP/ SP sebagaimana yang dimaklumkan oleh Agensi/ Jabatan Teknikal;
12. Agensi/ Jabatan Teknikal tidak dibenarkan membuat pertambahan syarat atau keperluan teknikal baharu yang memerlukan pindaan di atas pelan selain memastikan kepatuhan ke atas semua pelan yang telah diberi kelulusan dan lain-lain syarat bukan teknikal yang telah digariskan di dalam dokumen kelulusan pelan.
13. Pertambahan syarat atau keperluan teknikal baharu boleh dikenakan sekiranya pemohon mengemukakan pindaan pelan yang menyebabkan perubahan kepada intensiti dan kompleksiti ke atas pelan lulus sedia ada.

CARTA ALIR PERINGKAT 4 NOTIFIKASI PEMERIKSAAN INTERIM

